

Media Title : Utusan Borneo Sarawak
Headline : Penjaga kedai tertipu panggilan telefon 'scammer' rugi RM73,900
Date : 13 November 2025
Section : _Tempatan
Page : 2



Penjaga kedai tertipu panggilan telefon 'scammer' rugi RM73,900

Mangsa panik didakwa terlibat aktiviti pengubahan wang haram

Oleh Andy Sabang

SIBU: Seorang wanita tempatan berusia 20-an yang bekerja sebagai penjaga kedai mengalami kerugian sebanyak RM73,900 setelah terperdaya dengan panggilan telefon daripada individu tidak dikenali yang menyamar sebagai wakil syarikat kurier dan pegawai polis, baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Sibu ACP Zulkifli Suhaili berkata, Bahagian Siasatan Jenayah Komersial Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sibu yang menerima laporan berhubung kejadian itu kelmarin telah membuka satu kertas siasatan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.

Menurut beliau, siasatan awal mendapati kejadian bermula pada 6 November lalu apabila mangsa menerima panggilan telefon daripada suspek yang memperkenalkan diri sebagai wakil syarikat DHL mendakwa mangsa terlibat dalam penghantaran bungkusan mengandungi satu buku cek dan satu token bank atas nama mangsa.



ZULKIFLI

“Suspek kemudian menyambungkan panggilan tersebut kepada seorang lelaki lain yang menyamar sebagai pegawai polis.

“Mangsa diberitahu kononnya terlibat dalam aktiviti pengubahan wang haram dan penjualan maklumat peribadi kepada pihak lain,”

“Akibat diperdaya, mangsa telah membuat empat transaksi pindahan wang ke dalam empat akaun bank tempatan berbeza berjumlah keseluruhan RM73,900.”

ACP Zulkifli Suhaili
Ketua Polis Daerah Sibu

katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mangsa yang panik dan takut telah diarahkan membuat beberapa transaksi wang ke akaun-akaun tertentu kononnya bagi tujuan siasatan lanjut.

“Akibat diperdaya, mangsa telah membuat empat transaksi pindahan wang ke dalam empat akaun bank tempatan berbeza berjumlah keseluruhan RM73,900,”

jelas Zulkifli.

Selepas selesai melakukan transaksi berkenaan, mangsa mula berasa curiga sebelum menyedari dirinya telah ditipu lalu membuat laporan polis untuk tindakan lanjut.

Zulkifli menasihatkan orang ramai supaya tidak mudah panik atau mempercayai panggilan telefon daripada individu yang tidak dikenali, khususnya mereka yang mendakwa diri sebagai wakil jabatan kerajaan, agensi penguatkuasaan atau institusi kewangan.

“Sekiranya menerima panggilan mencurigakan, orang ramai dinasihatkan membuat semakan melalui laman sesawang rasmi Polis Diraja Malaysia (PDRM) di <http://ccid.rmp.gov.my/> semakmule/ataumenghubungi Pusat Respons Penipuan Kebangsaan (NSRC) di talian 997,” katanya.

Beliau turut menggalakkan masyarakat mengikuti laman Facebook rasmi @CyberCrimeAlertRMP dan @JSJKPDRM untuk mendapatkan maklumat serta amaran terkini mengenai modus operandi sindiket penipuan siber.